

**Najib Tonjol Perwatakan Santai Di Radio
mStar Online
September 20, 2011
Oleh JOSEPH KAOS JR**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menonjolkan perwatakan yang santai dengan mengusik dan bergurau-senda ketika muncul di slot pagi Gotcha Call stesen radio Hitz.fm, pagi Selasa.

Pada kemunculan itu, PM sempat membantu penyampai JJ dan Ean membuat panggilan mengusik kepada Pengurus Besar Program AMP Radio Networks, Jake Abdullah atau lebih dikenali sebagai Jakeman.

Ketika ditanya oleh JJ apa yang bermain di fikirannya ketika membuat panggilan telefon itu, Najib berkata: "Saya memang mahu mendapatkannya (Jake)!."

Menerusi panggilan usikan itu, Najib bertanya kepada Jakeman adakah anak lelakinya yang merupakan seorang turntablist boleh melakukan tugas DJ di kelab malam Jake.

Jakeman yang terkejut dan tidak percaya bahawa dia sedang berbual dengan PM, lantas bersetuju untuk menjalankan uji bakat ke atas anak Najib.

Terdahulu, Najib 'bertarung' dengan seorang pemanggil stesen radio Mix FM, Yang Poh Ling dalam slot Battle of the Sexes ketika bersiaran dengan penyampai JD dan Dilly.

Beliau juga memberitahu JD dan Dilly bahawa dia agak gementar ketika muncul di radio.

"Saya jarang gementar!" kata Najib yang menghabiskan sekitar setengah jam pada setiap stesen radio tersebut, selain membuat kemunculan mengejut di Era FM bersama penyampai dan pengacara Aznil Nawawi.

Najib juga sempat berkongsi pandangannya tentang bola sepak dan muzik ketika ditemuramah di kedua-dua stesen radio berbahasa Inggeris itu.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/9/20/mstar_berita/20110920121818&sec=mstar_berita